

# Kumpulan 15 perlu manfaatkan ICT: Dr M

BH 3 1 MAY 2001

Daripada Manja  
Ismail dan  
Mokhtar Alias

JAKARTA, Rabu - Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) mesti menggunakan potensi pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi memastikan rakyatnya menikmati kehidupan lebih bermutu, jika ia mahu menjadi terus relevan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata revolusi ICT yang mempercepatkan gelombang globalisasi, memberi kesan kepada setiap aspek kehidupan manusia dan cara negara mengendalikan hubungan mereka.

Berucap mewakili Asia pada sesi perasmian Sidang Puncak Ke-11 G15 di Pusat Konvensyen Jakarta hari ini, Perdana Menteri menegaskan, ICT yang

Dr Mahathir menyifatkan kuasa mental atau ilmu yang ditawarkan ICT amat dinamik dan sentiasa berada di depan

mengutamakan modal manusia dalam proses pembangunan, memberikan cabaran tambahan kepada negara membangun.

"Modal manusia ini menjadi faktor utama dalam mewujudkan kekayaan dan keadaan yang tidak bergantung kepada orang lain dalam usaha mengekalkan pertumbuhan dan pembangunan," katanya.

Sidang puncak itu dirasmikan Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid. Selain Dr Mahathir, turut berucap ialah Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe, yang mewakili Afrika dan Presiden Venezuela, Hugo Chavez (Amerika

Latin dan Carribean).

G15 kini mempunyai 19 negara dari tiga benua dengan dua anggota baru iaitu Iran dan Colombia, menyertai sidang puncak ini buat kali pertama.

Sambil menyifatkan tema sidang puncak kali ini, 'Memanfaatkan Potensi Era Digital Untuk Pembangunan' amat relevan, Dr Mahathir berkata, kuasa mental atau ilmu yang ditawarkan ICT amat dinamik dan sentiasa berada di depan.

"Akses dan penguasaan ke atas ilmu mutakhir, menjadi asas mewujudkan dan membangunkan kumpulan modal manusia yang boleh ditingkat serta dimanfaatkan lagi bagi



pembangunan, dengan menerokai peluang daripada teknologi maklumat. "Bagi mendapatkan manfaat daripada ICT, kita perlu mempunyai sistem pengurusan ilmu yang berkesan di mana

pengetahuan boleh dikongsi, diagih dan dianalisis untuk mencipta ilmu baru," katanya.

Dr Mahathir berkata, sebagai negara membangun, G15 perlu mengatasi halangan utama da-

lam merebut peluang yang ditawarkan era digital iaitu membangunkan modal manusia.

Bagaimanapun, modal manusia saja tidak cukup untuk memenuhi keperluan ekonomi baru. Ini kerana, membangunkan struktur maklumat yang baik selain mempunyai kerangka undang-undang dan dasar pragmatik, tidak kurang juga pentingnya.

Beliau berkata, bagi memanfaatkan ICT untuk pembangunan, masalah asas dihadapi negara membangun ialah kurangnya akses rangkaian. Perkhidmatan untuk menemubusi kawasan pedalaman dan luar bandar di mana

majoriti rakyat tinggal, masih rendah.

Keadaan itu berbeza dengan negara maju di mana kira-kira 50 peratus penduduknya menikmati kemudahan talian tetap dan Internet berbanding di bawah 20 peratus di negara membangun.

Perdana Menteri berkata, kemajuan pesat ICT juga mempunyai kesan negatifnya yang perlu ditangani negara anggota G15.

ICT menyebabkan peningkatan mendadak spekulasi kewangan jangka pendek dalam pasaran saham dan mata wang serta mendedahkan institusi yang berhutang tinggi seperti

dana lindung nilai, kepada spekulasi.

Pembangunan teknikal dalam bidang tertentu juga menyukarkan kerajaan menentukan dasar kebudayaan dan komunikasi atau bagi mengawal penyebaran maklumat negatif dan produk budaya.

"Berikutan pelbagai kelemahan negara membangun dalam sektor ICT ini, kita perlu meningkatkan kerjasama di kalangan negara anggota. Persestuan untuk menubuhkan Pasukan Petugas Khas G15 Mengenai ICT ke arah pelaksanaan satu rangka kerja untuk tujuan ini, adalah satu langkah yang konkrit," katanya.